



1103/1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Dua Jam Lima Belas Minit

**MODUL SOALAN TOPIKAL CEMERLANG
AMANJAYA**

2018

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

BAHASA MELAYU

KERTAS 6

SET 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawasan peperiksaan*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Modul ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha meningkatkan mutu sukan negara

Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha meningkatkan mutu sukan negara**.
Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

USAHA-USAHA MENINGKATKAN MUTU SUKAN NEGARA



Kemudahan Sukan yang Lengkap



Latihan yang Berterusan



Jurulatih yang Mahir dan Berpengalaman

Soalan:

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada usaha meningkatkan mutu sukan negara

*Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha meningkatkan mutu sukan negara**.
Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.*

Tugasan soalan: Murid dapat menghuraikan usaha-usaha meningkatkan mutu sukan negara.

Cadangan Jawapan:

1. Kemudahan sukan yang lengkap
 - 1.1 memudahkan atlet berlatih.
 - 1.2 membolehkan atlet mendapat latihan yang diperlukan dengan sepenuhnya
 - 1.3 semua atlet berpeluang untuk mendapat latihan yang berkualiti.
2. Latihan yang berterusan
 - 2.1 meningkatkan penguasaan kemahiran atlet
 - 2.2 menguatkan stamina
 - 2.3 meningkatkan keserasian antara ahli pasukan.
3. Jurulatih yang mahir
 - 3.1 dapat mendedahkan strategi yang lebih efisien
 - 3.2 merangsang motivasi atlet
 - 3.3 merancang latihan yang lebih sistematik

Ungkapan menarik

1. Majulah Sukan Untuk Negara
2. Usaha Tangga Kejayaan

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pusat Sumber Sekolah anda terpilih untuk menyertai Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat daerah. Sebagai pengawas pusat sumber, anda diminta oleh pihak sekolah untuk membuat persiapan-persiapan bagi menyertai pertandingan tersebut.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan bagi menyertai pertandingan tersebut.

2. Ibu bapa memainkan peranan penting bagi menggalakkan anak-anak bersukan.

Huraikan pernyataan di atas.

3. Penggunaan media sosial mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja seperti dalam bidang pendidikan, perniagaan dan penyebaran maklumat.

Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

4. Pelancongan kesihatan semakin popular di seluruh dunia.

Huraikan kepentingan pelancongan kesihatan kepada masyarakat dan negara.

5. Peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya bermaksud pendidikan anak-anak hendaklah bermula sejak kecil .

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya berjaya pada masa hadapan.

-KERTAS SOALAN TAMAT-

Panduan Jawapan:

1. Pusat Sumber Sekolah anda terpilih untuk menyertai Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat daerah. Sebagai pengawas pusat sumber, anda diminta oleh pihak sekolah untuk membuat persiapan-persiapan bagi menyertai pertandingan tersebut.

Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan bagi menyertai pertandingan tersebut.

Cadangan jawapan:

1. menceriakan pusat sumber sekolah
2. menjaga kebersihan pusat sumber sekolah
3. memastikan susunan buku, majalah, surat khabar dan peralatan di pusat sumber sekolah sentiasa kemas dan tersusun
4. membantu guru mengemas kini sistem pinjaman buku di pusat sumber sekolah
5. bertugas mengikut jadual yang ditetapkan

Frasa menarik

1. ringan tulang
2. lebah menghimpun madu
3. bagai aur dengan tebing
4. tidak curi tulang

2. Ibu bapa memainkan peranan penting bagi menggalakkan anak-anak bersukan.

Huraikan pernyataan di atas.

a. Tugas

Murid dapat menghuraikan peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak bersukan

b) Cadangan jawapan

1. menyediakan kemudahan bersukan kepada anak-anak
 - 1.1 alat-alat sukan
 - 1.2 pakaian sukan
2. membawa anak-anak menyaksikan pertandingan sukan
 - 2.1 menyaksikan pertandingan peringkat daerah/ negeri/ kebangsaan
 - 2.1 menyaksikan pertandingan peringkat antarabangsa
3. menjadi suri teladan kepada anak-anak
 - 3.1 ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti sukan
 - 3.2 memanfaatkan waktu lapang untuk bersukan bersama dengan anak-anak
4. menyediakan jurulatih sukan untuk anak-anak
 - 4.1 sanggup berkorban wang untuk mengupah jurulatih

4.2 sanggup bersusah payah menghantar anak-anak berlatih

5. menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan sukan

5.1 menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan sukan anjuran KPM

5.2 menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan sukan anjuran pihak swasta/ agensi tertentu

c. Frasa menarik

1. melentur buluh biarlah dari rebungnya
2. bapa borek anak rintik
3. masa itu emas
4. alah bisa tegal biasa

4. Penggunaan media sosial mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja seperti dalam bidang pendidikan, perniagaan dan penyebaran maklumat.

Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

Tugasan :

Murid dapat menghuraikan pendapat tentang manfaat media sosial kepada golongan remaja dalam pelbagai bidang.

Cadangan Jawapan:

1. mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja seperti dalam bidang pendidikan
2. mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja seperti dalam bidang perniagaan
3. mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja seperti dalam bidang penyebaran maklumat.
4. mendatangkan kebaikan yang banyak kepada golongan remaja sebagai hiburan
5. mengeratkan hubungan .

Frasa Menarik

1. Maklumat dihujung jari
 2. Yang jauh didekatkan yang dekat dimesrakan
4. Pelancongan kesihatan semakin popular di seluruh dunia.
Huraikan kepentingan pelancongan kesihatan kepada masyarakat dan negara.

Cadangan jawapan

1. mewujudkan peluang pekerjaan
2. memperoleh rawatan yang bertaraf antarabangsa
3. meningkatkan ekonomi negara
4. meningkatkan imej negara
5. memajukan sektor pelancongan negara
6. menjimatkan kos rawatan

Frasa menarik

1. duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
2. bagai aur dengan tebing

5. Peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungunya bermaksud pendidikan anak-anak hendaklah bermula sejak kecil .

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mendidik anak- anak supaya berjaya pada masa hadapan.

Cadangan jawapan

1. memupuk amalan membaca dalam diri anak-anak
2. memupuk nilai-nilai murni
3. mendisiplinkan anak-anak
4. melengkapi anak-anak dengan kemahiran-kemahiran tertentu
5. meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris anak-anak
6. meningkatkan keyakinan diri anak-anak

Frasa menarik

1. membaca jambatan ilmu
2. alah bisa tegal biasa
3. melentur buluh biarlah dari rebungunya